

17 AUG 1999

SAMBUTAN KEPAHLAWANAN IRINGI KEPULANGAN AZHAR KE KAMPUNG

LANGKAWI, 17 Ogos (Bernama) -- Pelayar negara Datuk Azhar Mansor hari ini diarak secara tradisional oleh warga Langkawi bagi meraikan kepulangan beliau ke kampung halamannya di Perlis.

Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim turut serta mengiringi Azhar dalam perarakan yang bermula di hotel penginapannya, Awana Porto Malai ke jeti resort berkenaan.

Azhar diiringi ke bot peronda polis marin dengan paluan muzik lagu-lagu pahlawan dan perarakan bunga manggar daripada kumpulan Barisan Anak Tempatan Langkawi (Batawi) selepas persembahan silat solo oleh Ku Ahmad Ku Mustaffa di pekarangan resort itu.

Sambutan meriah juga menunggu ketibaan beliau di terminal jeti Kuala Perlis.

Azhar, 41, mencipta sejarah sebagai pelayar pertama mengelilingi dunia secara solo menggunakan laluan baru Barat-Timur sejauh 25,400 batu nautika.

Rabu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali bersama ribuan orang ramai menyambut ketibaan Azhar selepas pelayar itu melintasi garisan penamat di jeti Star Cruise bertentangan dengan Pulau Intan Besar di sini pukul 11.39 malam.

-- BERNAMA

NH NMO